

Penerimaan Murid Terhadap Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) di Sebuah Sekolah Menengah dalam Daerah Kluang, Johor

(Pupils' Acceptance of Elements of Historical Thinking Skills (HTS) in a Secondary School in Kluang District, Johor)

Noorhawani binti Abd Wahid¹ , Anuar Ahmad^{2*} 

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: hawaniwahid@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: anuarahmadukm@gmail.com

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Anuar Ahmad
(anuarahmadukm@gmail.com)

KATA KUNCI:

Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)
Penerimaan murid

KEYWORDS:

Historical Thinking Skills (HTS)
Higher Level Thinking Skills (HOTS)
Student acceptance

CITATION:

Noorhawani Abd Wahid & Anuar Ahmad. (2023). Penerimaan Murid Terhadap Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) di Sebuah Sekolah Menengah dalam Daerah Kluang, Johor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(6), e002353.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i6.2353>

ABSTRAK

Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang merupakan salah satu unsur daripada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan dalam membangunkan semangat dan motivasi murid terhadap isi kandungan pembelajaran Sejarah. Elemen KPS seperti meneroka bukti, membuat interpretasi, memahami kronologi dan kemahiran berimajinasi membangkitkan rasa seronok bagi pelaksana iaitu guru-guru Sejarah dan juga anak-anak murid ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku dalam bilik darjah mahupun luar bilik darjah. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti penerimaan murid terhadap elemen KPS di sebuah sekolah menengah di daerah Kluang negeri Johor. Kajian ini juga dijalankan untuk memberi pendedahan mengenai penerimaan murid terhadap KPS dari segi pengetahuan, sikap dan kemahiran dalam melaksanakan elemen-elemen KPS yang telah dirangka pelaksanaannya bermula tahun 2017. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu dengan mengadakan sesi temu bual bersama murid-murid di kawasan kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penerimaan murid berlaku dengan baik dari segi pengetahuan tetapi sederhana dari segi kemahiran dan sikap. Hubung kait antara ketiga-tiga tema ini memberi kesan terhadap penerimaan murid dalam penerapan elemen KPS di kawasan kajian ini. Pada masa yang sama, melalui kajian ini juga pendedahan terhadap kemampuan guru dari sudut memberi bimbingan kepada murid-murid dalam melaksanakan elemen KPS ini ditonjolkan sekaligus memberi sumbangan idea dan cadangan yang berkesan ke arah penambahbaikan serta intervensi pelaksanaan KPS ini di pelbagai peringkat.

ABSTRACT

Historical Thinking Skills (HTS) which is one of the elements of Higher Level Thinking Skills (HOTS) have been

introduced by the government to develop students' enthusiasm and motivation towards the content of learning History. HTS elements such as exploring evidence, making interpretations, understanding chronology and imagination skills evoke a sense of fun for the implementers, namely History teachers and also the students when the teaching and learning sessions take place in the classroom or outside the classroom. Finally, this study was conducted to identify students' acceptance of HTS elements in a secondary school in Kluang district, Johor state. This study was also conducted to provide exposure on the students' acceptance of HTS in terms of knowledge, attitudes and skills in implementing the elements of HTS that have been designed to be implemented starting in 2017. The method used in this study is a qualitative method, which is by holding an interview session with students- students in the study area. The results of the study found that student acceptance occurred well in terms of knowledge but moderate in terms of skills and attitudes. The relationship between these three themes has an impact on student acceptance in the application of HTS elements in this study area. At the same time, through this study, the exposure of the teacher's ability from the point of view of providing guidance to the students in implementing this KPS element is highlighted as well as contributing ideas and effective suggestions towards improvements and interventions in the implementation of this HTS at various levels.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini adalah mendapati bahawa penerimaan murid terhadap elemen KPS merupakan salah satu cabang ke arah penguasaan mata pelajaran Sejarah. Perkara ini selari dengan keperluan pendidikan negara yang melakukan perkembangan daya pemikiran murid dalam KBAT yang juga mempunyai objektif untuk melahirkan warganegara yang mampu menyelesaikan sesuatu permasalahan.

1. Pengenalan

Sistem pendidikan yang berkualiti tinggi merupakan salah satu aspirasi yang cuba diterapkan dalam setiap negara yang membangun. Di Malaysia, sistem pendidikan telah mengalami revolusi dan perubahan selaras dengan tahap perkembangan terkini bagi melahirkan insan yang seimbang dan berkualiti bagi bersaing di peringkat antarabangsa Menurut [Vhyshnavi dan Khairul Azhar \(2021\)](#), perubahan dalam pendidikan merangkumi proses merancang, merangka semula dan menaiktarafkan sistem pendidikan semasa bagi memastikan rintangan era globalisasi mampu dihadapi. Landskap pendidikan kini bertujuan ingin melakukan perkembangan daya pemikiran murid terutamanya dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang juga mempunyai objektif untuk melahirkan insan dan warganegara yang mampu menyelesaikan sesuatu permasalahan. Berikutan hal ini, individu seperti murid sekolah merupakan aset yang sangat bernilai untuk menerajui perkembangan negara pada masa akan datang. Selain boleh melahirkan tenaga kerja yang menepati Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0), murid yang menguasai KBAT ini mampu melahirkan masyarakat yang berdaya saing, berani menghadapi cabaran serta tidak gentar dalam menghadapi sesuatu kesukaran. Menurut [Bhanu Leega dan Muhammad Sofwan \(2022\)](#), kemahiran penyelesaian masalah dan

kemahiran berfikir akan membantu murid untuk bersaing dalam Revolusi Perindustrian 4.0 pada masa hadapan. Pembentukan dasar dalam kurikulum menentukan keberhasilan dalam sektor pendidikan sesebuah negara serta nilai modal insan. Malaysia merupakan salah satu negara yang menggerakkan sistem pendidikan bertaraf dunia dan berkualiti tinggi. Bagi menjamin perkara tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi perubahan yang dilakukan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bermula tahun 2016 mempunyai tujuan untuk melahirkan murid yang menguasai ilmu sejarah dan membentuk masyarakat yang berdaya saing pada peringkat nasional dan antarabangsa. Perubahan terhadap kurikulum sejarah ini adalah seiring dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia tahun 2013 hingga 2025 telah menekankan aspek Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang merupakan salah satu rujukan dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah menengah. Proses penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) bermatlamat untuk menjana proses pemikiran yang kritis bagi menghubungkan peristiwa yang telah berlaku pada masa lampau dengan peristiwa yang berlaku pada masa kini. Perkara ini membolehkan murid mengaplikasikan pengajaran yang diperoleh dalam konteks kehidupan mereka yang sebenar. Menurut [Kamisah dan Mohd Mahzan \(2023\)](#), KPS merupakan lima kategori iaitu memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi. KPS juga membolehkan murid-murid meneroka dan mencipta idea baharu yang lebih kompleks.

Melihat senario pembelajaran sejarah kini, sering kali kita mendengar bahawa mata pelajaran sejarah dianggap sebagai salah satu mata pelajaran yang membosankan. Banyak faktor yang menyebabkan stigma dan persepsi ini melekat dalam minda murid-murid. Salah satunya adalah daya atau kaedah pengajaran yang diterapkan oleh guru yang lebih bersifat tradisional dan bukan berpusatkan murid. Banyak kajian menyatakan bahawa cara pembelajaran dengan mengingat fakta dan kronologi sesebuah peristiwa tanpa mengetahui kesan pembelajaran tersebut kepada kehidupan sebenar mendorong rasa bosan dan tidak suka akan mata pelajaran Sejarah. Guru juga hanya memainkan peranan dan mendominasi proses instruksional tanpa merangsang pemikiran murid terhadap bahan pelajaran sejarah. Menurut [Lau dan Anuar \(2022\)](#), salah satu masalah yang wujud dalam mata pelajaran Sejarah apabila murid hanya perlu menghafal fakta sejarah semata-mata selain gaya pengajaran guru yang kurang menarik. Penerapan KPS akan menghadapi banyak masalah sekiranya guru sejarah kurang berpengetahuan dan pengajarannya bergantung kepada isi kandungan dalam buku teks sahaja. Pengenalan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam pendidikan sejarah adalah salah satu kaedah yang diaplikasikan bagi merangsang pemikiran dan proses pemikiran secara kritis dan analitis semasa mempelajari Sejarah. Oleh itu, guru-guru khususnya perlu memainkan peranan yang penting bagi merealisasikan pengintegrasian elemen KPS ini dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru perlu berfungsi sebagai penggerak yang menggalakkan murid-murid berfikir dan merangsang kognitif mereka. Penerapan KPS boleh meningkatkan minat murid dan menjadikan murid lebih kritis, kreatif dan inovatif sekali gus meningkatkan daya berfikir murid-murid untuk keperluan kerja pada masa hadapan. Inisiatif telah ditunjukkan oleh pihak kerajaan pada masa itu dalam menyusun semula dan menambah baik kurikulum sedia ada adalah untuk memastikan generasi pada hari ini mempunyai persediaan yang lengkap dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang bersesuaian dengan keperluan abad ke-21 ini. Melalui proses perubahan ini, KPM telah membuat penandaan aras dengan kurikulum pendidikan yang ada negara maju bagi memastikan kurikulum negara kita boleh berdiri setanding dengan dunia pendidikan global.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat penerimaan murid terhadap elemen KPS di salah sebuah sekolah menengah di Kluang, Johor. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti pengetahuan murid mengenai elemen KPS dalam mata pelajaran Sejarah.
- ii. Mengenal pasti kemahiran KPS yang menjadi amalan oleh murid pembelajaran Sejarah.
- iii. Mengenal pasti sikap yang diaplikasikan oleh murid untuk menerapkan elemen KPS.

2. Sorotan Literatur

Mata pelajaran Sejarah KSSR mula diperkenalkan sebagai mata pelajaran di peringkat rendah bermula pada tahun 2013 manakala KSSM pada tahun 2016. KPS mempunyai objektif untuk menanamkan pemahaman murid terhadap mata pelajaran Sejarah di peringkat awal supaya proses penguasaan terhadap pengetahuan serta kemahiran sejarah boleh berlaku. Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) merupakan sebahagian daripada proses kemahiran berfikir yang penting dan perlu diterapkan kepada para murid khususnya dalam mata pelajaran Sejarah.

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui kajian oleh [Nurhijrah et al. \(2020\)](#), KPS didefinisikan sebagai satu proses kognitif yang membolehkan murid meneroka idea yang kompleks dan abstrak dengan bimbingan guru. KPS juga ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran kerana dapat membantu cara sejarawan menggabungkan peristiwa lalu dengan menggunakan bukti-bukti sejarah bagi menentukan signifikan sesuatu peristiwa ke arah peningkatan daya berfikir secara kritis dan kreatif. Menurut [Rosy \(2015\)](#), kesedaran mengenai kepentingan sejarah dalam kehidupan seseorang telah membuka satu dimensi baharu dalam sistem pendidikan Malaysia. Mata pelajaran Sejarah telah dinaiktarafkan daripada mata pelajaran elektif pada tahun 1989 kepada mata pelajaran teras dan wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tambahnya lagi, KPS adalah satu proses kognitif yang apabila dimiliki oleh murid akan dapat memberikan pemahaman tentang fakta yang kompleks, abstrak dan tidak relevan serta memberi kepentingannya kepada kehidupan pada masa kini. Terdapat 5 kemahiran spesifik dalam KPS iaitu memahami kronologi, meneroka bukti sejarah, membuat interpretasi, mengimajinasikan dan merasionalkan fakta sejarah.

Menurut [Muhammad Ridzuan et al. \(2021\)](#), KPS merupakan salah satu daripada elemen pengintegrasian Kemahiran Berfikir. Hal ini kerana Kemahiran Pemikiran Sejarah merangkumi proses pembangunan kemahiran untuk memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imajinasi dan membuat rasionalisasi. Oleh itu, kajian mendalam terhadap pengintegrasian Kemahiran Pemikiran Sejarah ini perlu diperluaskan agar berlaku kepekaan masyarakat terhadap pelaksanaannya. Menurut [M. Kaviza \(2019a\)](#), kepentingan pencapaian mata pelajaran sejarah dalam kalangan murid tidak dapat diabaikan dalam konteks pendidikan sejarah. Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) perlu diterapkan dalam kalangan murid kerana mereka merupakan aset penting dalam pembangunan negara pada masa akan datang. Menerusi kajiannya ini, dapat dijelaskan bahawa elemen KPS dalam kalangan murid mampu mempengaruhi pencapaian mata pelajaran sejarah dalam kalangan murid. Maka dengan itu, didapati KPS dan pembelajaran Sejarah mempunyai kaitan dengan peningkatan dan penurunan pencapaian mata pelajaran Sejarah pada peringkat sekolah mahupun peringkat nasional secara keseluruhannya. Menerusi kajiannya didapati juga kesemua konstruk dalam KPS

merupakan faktor yang menyumbang kepada pencapaian mata pelajaran Sejarah. Tambahan lagi, KPS merupakan salah satu elemen yang telah menyumbang kepada peningkatan minat dan perubahan sikap positif dalam kalangan murid melalui kaedah pengajaran sejarah dalam kelas.

Menurut [M. Kaviza \(2020a\)](#), dapatan daripada kajiannya menyatakan bahawa perbezaan kognitif bagi seseorang murid memberi kesan terhadap penerapan dalam kemahiran pemikiran sejarah. Bagi murid yang mempunyai tahap sendiri yang tinggi mereka mampu mencapai tahap kemahiran pemikiran sejarah yang tinggi manakala murid yang mempunyai arahan sendiri rendah akan berada pada tahap sederhana. Tambahnya lagi, murid yang mampu menjana kemahiran dalam membuat hipotesis tentang sesuatu peristiwa adalah murid yang telah mempunyai kemahiran pemikiran yang tinggi. Melalui perihal ini, maklumat sedia ada dan baharu mampu dikaitkan dengan peristiwa lalu telah dipelajari dengan pelbagai perspektif secara mendalam dan telah menjadikan murid itu imaginatif iaitu salah satu elemen KPS dalam situasi sejarah seorang tokoh atau sesuatu peristiwa.

Pembelajaran berasaskan dokumen juga merupakan salah satu praktik pengajaran alternatif yang menggantikan kaedah pengajaran yang berpusatkan guru dan bersifat konvensional atau tradisional. Kaedah ini mampu membangkitkan daya kemahiran berfikir dalam kalangan murid sekali gus melibatkan mereka secara aktif dalam pembelajaran sejarah. Menurut [M. Kaviza \(2020b\)](#), pembelajaran berasaskan dokumen yang melibatkan proses inkuiri dan analisis kandungan teks bersifat autentik mendorong penglibatan aktif murid selain menjadi daya tarikan utama murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Menurutnya lagi, persepsi penerimaan terhadap aktiviti pembelajaran berasaskan dokumen dalam kajian ini tidak dipengaruhi oleh faktor jantina. Implikasi kajian ini adalah terhadap guru-guru dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran berasaskan dokumen dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah.

Menerusi kajian yang dilakukan oleh [Nurul Hafizah et al. \(2021\)](#) yang telah menghuraikan pengintegrasian elemen KPS dalam kalangan murid pintar dan berbakat. Melalui dapatan kajiannya, pengkaji menyatakan bahawa antara KPS yang sangat mempengaruhi tahap pencapaian murid pintar dan berbakat adalah seperti interpretasi sejarah, kemahiran rasionalisasi sejarah dan kemahiran imaginasi sejarah. Berbanding dengan kemahiran identifikasi bukti sejarah dan identifikasi kronologi sejarah memerlukan penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh guru dalam mengaplikasikannya dan melestarikannya. Guru-guru boleh mempelbagaikan aktiviti menarik yang berasaskan KPS bagi memastikan murid dapat menerima seterusnya mengamalkan KPS dalam mata pelajaran Sejarah.

Memahami kronologi sesuatu peristiwa dalam sejarah merupakan salah satu elemen KPS yang diterapkan oleh guru-guru dalam mata pelajaran sejarah kini. Menerusi kajian oleh [Siti Kisni \(2021\)](#) pembelajaran melalui proses kontekstual dan pengesahan bukti oleh murid-murid telah ditunjukkan dalam menerusi peristiwa perjuangan Mat Salleh di Sabah. Tambahnya lagi, terdapat elemen kronologi iaitu salah satu elemen KPS telah dapat dikuasai oleh majoriti murid sekali gus memberitahu mengenai kemampuan murid untuk memberi pendapat dan buah fikiran mengenai kisah perjuangan penentangan terhadap penjajah Barat. Pemahaman murid terhadap kisah imperialisme tersebut dapat difahami oleh murid sekali gus berupaya dalam membentuk keadaan negara pada masa

ini. Kebolehan murid dalam membuat hubung kait antara kronologi sesebuah perjuangan negara dan kebebasan pada masa ini telah dapat dicapai.

Kajian oleh [Loh dan Abdul Razaq \(2022\)](#) juga menyatakan bahawa kaedah *Flipped Classroom* yang berpusatkan murid telah meningkatkan amalan kemahiran berfikir sejarah dalam kalangan murid berbanding kalangan murid yang telah menggunakan kaedah konvensional iaitu *Chalk and Talk*. Kaedah *Flipped Classroom* ini mampu meningkatkan daya kemahiran berfikir murid dengan menghubungkan jalinkan pemikiran mereka dengan KPS yang merangkumi lima konstruk yang utama iaitu kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi ([M.Kaviza, 2020c](#)). Menurut [Rahmelina et al. \(2019\)](#) menyatakan bahawa kaedah pengajaran yang berpusatkan murid dapat merangsang kemahiran berfikir murid untuk memberi justifikasi terhadap pandangan yang diberikan sewaktu perbincangan dalam kelas. Kaedah pengajaran ini dapat melatih murid untuk berfikir pada aras tinggi sehingga tahap menilai.

Selain itu, pembelajaran menerusi penggunaan bahan pembelajaran yang bersifat interpretatif dan interaktif. Menurut kajian [M. Kaviza \(2020d\)](#) telah menyatakan bahawa penggunaan pelbagai bahan pembelajaran boleh mencabar murid untuk berfikir secara kreatif dan kritis terutama dalam mata pelajaran sejarah. Sehubungan dengan itu, tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan bahan seperti dokumen, peta, majalah, buku sejarah, dokumentari, risalah, poster, catan, artifak, filem sejarah dan sebagainya boleh menggalakkan murid-murid untuk melakukan aktiviti seperti membaca, mentafsir, membanding beza, menganalisis dan sebagainya bagi membina pengetahuan baharu dan menjana pemikiran kreatif dan kritis. Tambahan lagi, dalam kajian ini telah menjelaskan bahawa terdapat implikasi apabila guru menggunakan kepelbagaian bahan pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap tahap kesediaan murid.

Terdapat beberapa kaedah dalam pelaksanaan amalan KPS ini dalam bilik-bilik darjah seperti inkuiri, kaedah berpusatkan murid dan sebagainya. Menurut [Nurul Affa dan Anuar \(2022\)](#) pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan berpusatkan murid yang menggalakkan penglibatan aktif semasa sesi pembelajaran berlangsung. Murid memainkan peranan dalam meneroka bukti dan sumber untuk mendapatkan jawapan terhadap persoalan yang dikemukakan. Jelas hal ini telah menunjukkan peningkatan rasa ingin tahu dan kemahiran menyiasat dalam diri murid. Guru hanya berfungsi sebagai pemudah cara manakala murid mengambil langkah aktif dalam mengendalikan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran. Tuntasnya, kemahiran berfikir dalam kalangan murid ini perlu disokong dengan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Beberapa kajian telah menyatakan dengan jelas bahawa melalui kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru akan mendorong kepada penglibatan aktif murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya membolehkan guru-guru melaksanakan aktiviti kemahiran berfikir dalam kalangan murid.

3. Metod Kajian

3.1. Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka dan perseorangan di salah sebuah sekolah di daerah Kluang negeri Johor.

Seramai 10 orang peserta kajian yang terdiri daripada murid-murid kelas pertengahan terlibat dalam sesi temu bual yang dijalankan. Persetujuan untuk ditemu bual diperoleh atas kerelaan dan ketelusan mereka. Penggunaan kaedah ini bertujuan untuk melihat secara sistematik penerimaan murid terhadap elemen KPS di sekolah ini. Kajian ini juga melibatkan temu bual yang direkodkan dan dirakam. Setelah itu, dialog daripada peserta kajian akan diterjemahkan kepada bahasa formal untuk penulisan dalam kajian. Proses analisis maklumat daripada peserta kajian ini telah menggunakan kaedah Hermeneutik yang diadaptasi daripada kajian oleh [Bernand Tahim et al. \(2021\)](#).

3.2. Sampel kajian

Demi kelancaran dan kejayaan kajian ini, pengkaji mempunyai strategi persampelan dalam mengumpul data-data yang diperlukan melalui temu bual murid-murid yang dipilih. Persampelan adalah proses penyelidikan yang dilakukan ke atas populasi yang dikaji. Justeru, bagi menjayakan kajian ini, sebanyak 8 soalan yang merangkumi objektif kajian diajukan kepada peserta kajian yang terlibat. Persampelan dalam kajian ini menggunakan persampelan bertujuan iaitu peserta kajian yang dipilih adalah berprestasi sederhana sepanjang pengkaji mengajar mereka dalam mata pelajaran Sejarah. Sampel ini didapati hasil daripada pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji dan pengkaji yakin bahawa informasi boleh didapati secara jujur dan telus daripada para peserta kajian ini terutama dari segi pendapat mengenai penerimaan terhadap elemen KPS dalam pembelajaran Sejarah mengikut objektif dan tema yang telah ditetapkan. Pengkaji juga mengenali peserta-peserta kajian ini dan mengetahui tahap kognitif mereka selain penguasaan terhadap bahasa Melayu yang baik untuk memudahkan sesi temu bual.

3.3. Instrumen kajian

Pengkaji menggunakan sampel kajian terhadap 10 orang murid di sebuah sekolah di daerah Kluang di negeri Johor. Kajian ini menggunakan beberapa instrumen dalam mengumpulkan data antaranya adalah pemerhatian dan prosedur temu bual. Melalui pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai penerimaan elemen KPS dalam aktiviti PdP Sejarah. Penerimaan ini bergantung kepada beberapa faktor. Selepas menjalani pemerhatian selama beberapa hari terutamanya apabila menjelang peperiksaan, pengkaji dapati murid-murid lebih menumpukan perhatian terhadap cara dan teknik menjawab soalan supaya boleh memperoleh markah yang baik. Pemerhatian ini memberi idea kepada pengkaji untuk menjalankan kajian penerimaan elemen KPS dalam pembelajaran sejarah di sekolah ini.

Data diperoleh melalui cara temu bual berstruktur dan dijalankan secara individu. Dalam usaha mengumpul data kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa instrumen untuk mendapatkan data penyelidikan kajian. Temu bual dengan peserta kajian adalah secara formal yang melibatkan topik-topik berkaitan dengan penerimaan elemen KPS di sekolah ini. Soalan temu bual ini disediakan terlebih dahulu dan jawapan yang dikemukakan oleh peserta kajian adalah secara spontan. Temu bual ini membantu pengkaji untuk mengetahui penerimaan murid terhadap elemen KPS dari kaca mata seorang murid yang mempelajari sejarah

Setelah proses temu bual lengkap, pengkaji menganalisis data temu bual menggunakan kaedah Hermeneutik. Kaedah ini dibantu dengan alat rakaman suara yang digunakan oleh pengkaji sepanjang proses temu bual berlangsung. Data perbualan tersebut

dicatatkan dan dijadikan secara bertulis supaya pengkaji boleh memfokuskan setiap butir bicara yang disampaikan oleh peserta kajian untuk dianalisis. Pengkaji mengasingkan setiap jawapan yang diberikan oleh peserta kajian ke dalam bentuk jadual. Kaedah ini memudahkan pengkaji melihat perbezaan dan persamaan jawapan daripada sepuluh orang peserta kajian bagi setiap soalan yang diajukan. Penganalisan data diadakan melalui transkripsi perbualan peserta kajian. Kaedah Hermeneutik digunakan bagi menterjemahkan jawapan peserta kajian kepada bahasa yang lebih formal.

4. Hasil Kajian

4.1. Demografi Peserta Kajian

Seramai 10 orang peserta kajian telah terlibat dalam kajian ini iaitu yang terdiri daripada murid-murid tingkatan tiga di sebuah sekolah menengah di daerah Kluang di negeri Johor. Data demografi yang digunakan ialah jantina, umur dan bangsa. Peserta kajian terdiri daripada pelbagai bangsa dan diambil secara rawak. Peserta kajian ini terdiri daripada murid Tingkatan 3 yang berumur 15 tahun semuanya. Di samping itu, peserta kajian terdiri daripada 7 orang perempuan dan 3 orang lelaki. Peserta-peserta kajian ini mempunyai pelbagai tahap kognitif dan berbeza latar belakang dari sudut ekonomi. Ringkasan mengenai peserta kajian seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1: Ringkasan Maklumat Peserta Kajian

Bil	Nama peserta	Umur	Bangsa	Jantina
1	Nazirah	15	Melayu	Perempuan
2	Faris	15	Melayu	Lelaki
3	Danial	15	Melayu	Lelaki
4	Nona	15	Melayu	Perempuan
5	Rafizah	15	Melayu	Perempuan
6	Wui	15	Cina	Perempuan
7	Shantini	15	India	Perempuan
8	Atikah	15	Melayu	Perempuan
9	Jiang Li	15	Cina	Perempuan
10	Carlos	15	Cina	Lelaki

Sampel kajian terdiri daripada murid-murid tingkatan 3 sahaja. Dalam dapatan demografi peserta kajian ini murid yang dipilih adalah berdasarkan kebolehan mereka dalam memberi kerjasama terutama yang tidak mempunyai masalah dari sudut capaian internet memandangkan pengkaji menggunakan aplikasi *Google Meet* dalam kajian ini. Peserta kajian juga terdiri daripada kelas yang pernah diajar oleh pengkaji. Menerusi kajian ini, para peserta kajian adalah lebih ramai perempuan berbanding lelaki sekali gus menunjukkan ketidakseimbangan dalam memperoleh peserta kajian. Pengkaji mengalami kesukaran untuk memperoleh peserta kajian yang sama bilangan mengikut jantina dalam kajian ini.

[Jadual 2](#) menunjukkan tema dan sub tema yang meliputi kajian terhadap penerimaan murid terhadap elemen KPS di salah sebuah sekolah menengah dalam daerah Kluang, Johor dengan memberi penekanan terhadap pengetahuan murid mengenai elemen KPS, kemahiran murid mengaplikasikan KPS dan sikap murid terhadap pelaksanaan KPS.

Jadual 2: Tema dan Sub tema Penerimaan Murid Terhadap Elemen KPS di Salah Sebuah Sekolah Menengah dalam Daerah Kluang, Johor

Tema			Sub tema
Pengetahuan Elemen KPS	Murid	Mengenai	<p>Peserta kajian telah menerangkan perkaitan KPS dan PAK 21 dalam pembelajaran Sejarah</p> <p>Peserta kajian menjelaskan elemen-elemen KPS yang diketahui</p> <p>Peserta kajian menjelaskan kesedaran mengenai penerapan elemen KPS yang dilakukan oleh guru subjek</p>
Kemahiran KPS	Murid	Mengaplikasikan	<p>Peserta kajian menjelaskan cara mereka menerapkan elemen KPS</p> <p>Peserta kajian menerangkan perkaitan KPS dengan pemahaman mereka terhadap topik yang dipelajari</p> <p>Peserta kajian menjelaskan kesan penerapan elemen KPS terhadap pembelajaran Sejarah seterusnya nilai sivik</p>
Sikap KPS	Murid terhadap	Pelaksanaan	<p>Peserta kajian menjelaskan respon terhadap pengajaran guru yang menerapkan elemen KPS</p> <p>Peserta menyatakan pendapat mereka terhadap elemen KPS</p>

4.2. Pengetahuan Murid Mengenai Elemen KPS

Melalui tema ini tiga persoalan telah diajukan mengenai pengetahuan murid terhadap elemen KPS. Persoalan-persoalan ini diwujudkan bagi mengetahui sama ada peserta dalam kajian ini mempunyai pengetahuan mengenai elemen KPS atau sebaliknya. [Jadual 3](#) menunjukkan respons peserta kajian terhadap persoalan pertama iaitu “Adakah anda tahu mengenai Kemahiran Pemikiran Sejarah ?” adalah untuk menguji kesedaran dan kepekaan murid-murid terhadap kewujudan elemen KPS dalam mata pelajaran ini. Para peserta kajian telah memberi beberapa respons yang menunjukkan cara mereka mengetahui mengenai kewujudan elemen KPS dalam mata pelajaran ini.

Jadual 3 : Respons peserta kajian terhadap persoalan pertama iaitu “Adakah anda tahu mengenai Kemahiran Pemikiran Sejarah ?”

Peserta Kajian	Jawapan
Nazirah	“Sejujurnya, saya baru tahu mengenai KPS apabila saya mencarinya dalam aplikasi Google. Jadi apa yang boleh saya katakan KPS merupakan satu proses berfikir bagi membolehkan murid-murid meneroka idea yang kompleks dengan bimbingan guru.
Danial	“Tak semua elemen yang saya tahu cuma sebahagian sahaja. Kadangkala saya tahu pun melalui media-media sosial ”
Rafizah	“KPS adalah Kemahiran Pemikiran Sejarah yang dilakukan sebelum dan selepas sesuatu topik dimulakan. Sebelum nak masuk satu topik, akan ada satu halaman yang mencirikan elemen KPS”
Shantini	“Saya jumpa dalam buku teks pada bab 1 dan sebelum memulakan mana-mana bab. Guru juga ada memberi pendedahan mengenai KPS ini.”
Nona	“Kemahiran Pemikiran Sejarah boleh membantu murid memahami menggabungkan peristiwa dengan masa lalu dengan sumber sejarah.

Wui	Saya selalu nampak dalam buku teks apabila nak masuk bab baharu”
Atikah	“Apabila guru bertanya dan melakukan penerangan mengenai KPS” “Apabila guru menyuruh saya meneroka bukti selain buku teks”

Para peserta kajian dilihat mampu memberitahu mengenai kewujudan elemen KPS. Hal ini kerana mereka menerima pendedahan mengenai elemen KPS melalui bantuan internet, bahan seperti buku teks dan bimbingan guru. Pendedahan melalui tiga sumber ini memperlihatkan kepekaan murid terhadap kewujudan elemen KPS dalam mata pelajaran ini.

Jadual 4 menunjukkan persoalan kedua yang turut diajukan bagi tema ini iaitu, “Berapakah elemen dalam Kemahiran Pemikiran Sejarah ? Sila sebutkan .” Persoalan ini diajukan bagi mengetahui elemen-elemen KPS yang diketahui oleh murid yang terlibat sebagai peserta kajian.

Jadual 4 : Respon peserta kajian terhadap persoalan kedua iaitu “Berapakah elemen dalam Kemahiran Pemikiran Sejarah ? Sila sebutkan .”

Peserta Kajian	Jawapan
Nazirah	<i>“Memahami kronologi, meneroka bukti, kemahiran interpretasi, kemahiran imaginasi dan kemahiran rasionalisasi. Contohnya, saya dapati elemen memahami kronologi British mula masuk ke negara kita.”</i>
Nona	<i>“Meneroka bukti, memahami kronologi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi. Saya menggunakan elemen-elemen ini dalam kajian kes”</i>
Faris	<i>“Elemen yang ada dalam KPS ialah memahami kronologi, meneroka bukti, kemahiran interpretasi, kemahiran imaginasi dan kemahiran rasionalisasi”</i>
Jian Li	<i>“Memahami kronologi, meneroka bukti, kemahiran interpretasi dan lain-lain”</i>
Carlos	<i>“Meneroka bukti, membuat interpretasi dan membuat imaginasi”</i>
Rafizah	<i>“Kemahiran rasionalisasi, kemahiran imaginasi, kemahiran interpretasi, memahami kronologi dan meneroka bukti.”</i>

Menerusi persoalan ini, semua peserta telah dapat menyebutkan beberapa elemen KPS yang mereka ketahui. Hal ini berkemungkinan kerana mereka peka terhadap elemen KPS seperti yang terkandung dalam setiap topik bagi mata pelajaran Sejarah. Seperti dalam **Jadual 4**, terdapat peserta yang mampu menyebut perkaitan elemen KPS dalam topik yang mereka pelajari dan juga mengaplikasikan elemen KPS dalam penulisan laporan kajian kes. Peserta kajian ini merupakan murid yang baik dari segi kognitif serta mempunyai daya pemahaman yang tinggi terhadap isi kandungan mata pelajaran Sejarah.

Jadual 5 menunjukkan persoalan ketiga dibangkitkan iaitu, “Bilakah guru anda mengaplikasikan elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah ?”. Persoalan ini dibangkitkan kerana ingin mengetahui kepekaan murid terhadap elemen KPS yang digunakan oleh guru sama ada ketika dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Persoalan ini juga mengetahui peranan guru dalam mengaplikasikan elemen KPS ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Jadual 5 : Respons peserta kajian terhadap persoalan ketiga iaitu “Bilakah guru anda mengaplikasikan elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah ?”

Peserta Kajian	Jawapan
Nazirah	<i>“Ketika membuat kajian kes. Selain itu, guru juga telah mengaplikasikan elemen KPS ketika sesi soal jawab dilakukan dalam kelas”</i>
Faris	<i>“Apabila dapat keluar pergi rombongan. Contohnya seperti muzium. Kalau masa dalam kelas ketika guru menerangkan sesebuah peristiwa.</i>
Danial	<i>“Ketika melakukan kajian kes dan laporan yang disuruh oleh guru. Ya, betul. Guru ada menyuruh saya mencari maklumat-maklumat daripada sumber lain dan tidak bergantung kepada buku teks semata-mata. Saya juga menyedari elemen KPS ini ketika sedang buat nota atau buat latihan dalam modul khususnya melalui KBAT.”</i>
Nona	<i>“Saya menyedari guru menggunakan elemen KPS semasa dalam Bab 1 Sejarah Tingkatan 3. Rentetan peristiwa pula ketika dalam bab British menjajah negara kita. Rasionalisasi pula apabila guru bertanya dalam sesi pembelajaran terutama apabila membincangkan soalan KBAT. Elemen imaginasi pula apabila guru meminta saya membayangkan situasi Barat datang ke negara kita.”</i>
Rafizah	<i>“Elemen ini digunakan selepas topik itu dilakukan melalui kaedah soal jawab, pembentangan atau menerangkan semula topik tersebut.”</i>
Wui	<i>“Semasa melakukan kaedah soal jawab dan ketika guru melakukan aktiviti penerangan”</i>
Carlos	<i>“Semasa aktiviti kumpulan, guru akan meminta saya untuk memberi sumbangan idea dalam sesi pembentangan yang berunsurkan soalan-soalan KBAT”</i>

Menerusi dapatan kajian melalui persoalan ini, murid telah menyedari bahawa guru-guru menerapkan elemen KPS melalui sesi soal jawab, sesi aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu dengan meminta murid melakukan pembentangan, ketika sesi penerangan sesuatu topik, latihan menjawab soalan KBAT dan penulisan laporan dalam kajian kes.

4.3. Kemahiran Murid dalam Pelaksanaan KPS

Peserta-peserta kajian dalam kajian ini telah diajukan tiga persoalan melalui tema ini. Persoalan-persoalan ini diwujudkan bagi mengenal pasti kemahiran murid dalam melaksanakan elemen-elemen KPS ketika pembelajaran Sejarah berlangsung. Tidak dapat dinafikan bahawa menerusi KPS ini murid telah mahir dalam memahami isi kandungan pembelajaran sejarah dengan bantuan daripada kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru.

Jadual 6 menunjukkan persoalan pertama dalam tema ini iaitu “Pada pendapat anda, bagaimana elemen KPS ini mampu membantu anda dalam proses memahami kandungan pembelajaran Sejarah ?” Persoalan ini dibangkitkan untuk mengetahui sama ada elemen KPS membantu murid dalam pembelajaran atau sebaliknya.

Jadual 6 : Respon peserta kajian terhadap persoalan pertama iaitu “Pada pendapat anda, bagaimana elemen KPS ini mampu membantu anda dalam proses memahami kandungan pembelajaran Sejarah ?”

Peserta Kajian	Jawapan
Nazirah	<i>“Pada pendapat saya, KPS ini mampu membantu saya dalam proses memahami kandungan pembelajaran Sejarah. KPS membuatkan saya berfikir perkara yang memberikan pengajaran melalui sesebuah peristiwa yang dipelajari”</i>
Faris	<i>“Pada pendapat saya, KPS ni dapat bantu saya untuk faham tentang pembelajaran yang saya lalui terutama melalui elemen meneroka bukti dan kemahiran imaginasi. Guru saya selalu memberi artikel yang bersangkutan paut dengan isi kandungan pembelajaran dan kerap bertanya soalan yang membuatkan saya rasa ingin tahu.”</i>
Nona	<i>“Menjawab soalan yang berunsurkan KBAT. Semasa peperiksaan dan juga semasa penerangan guru dalam PdP. Guru juga selalu mengaitkan isu-isu semasa dengan kandungan pembelajaran.”</i>
Rafizah	<i>“Pada pendapat saya, KPS ini membantu saya dalam pelajaran sejarah terutama ketika membuat imaginasi dan membuat kajian kes. Contohnya dalam mana-mana bab yang boleh saya kembangkan imaginasi saya dan meletakkan diri dalam peristiwa tersebut.KPS ini boleh memahirkan lagi saya dalam menjawab soalan Sejarah.”</i>
Wui	<i>“Boleh ingat dengan mudah. Contohnya, melalui kaedah kronologi saya memahami berlakunya sesebuah peristiwa. Saya akan menggunakan elemen ini ketika menjawab soalan KBAT dalam peperiksaan dan juga ketika melakukan kajian kes.”</i>
Atikah	<i>“Sebagai contoh melalui peristiwa zaman dahulu saya menggunakan kemahiran meneroka bukti dan memahami kronologi apabila saya melakukan aktiviti pembacaan sesebuah peristiwa.”</i>

Menerusi dapatan kajian ini, murid-murid menyatakan bahawa elemen KPS membantu mereka dalam meningkatkan lagi tahap kognitif serta menimbulkan sikap inkuiri dan pemahaman terhadap sesebuah topik. Di samping itu, elemen KPS membantu mereka untuk meningkatkan rasa keterujaan terhadap penerangan guru apabila menerangkan sesuatu peristiwa. Hal ini kerana kredibiliti yang dipamerkan oleh guru amat tinggi dalam usaha meningkatkan penerapan elemen KPS dalam kalangan murid. Peserta kajian juga menyatakan bahawa elemen KPS yang dipelajari dalam bilik darjah membantunya untuk menjawab soalan-soalan KBAT dan juga ketika melakukan kajian kes. Selain itu, elemen KPS juga digunakan apabila murid cuba memahami sesuatu peristiwa dalam mata pelajaran ini.

Jadual 7 menunjukkan respon peserta kajian melalui persoalan kedua dalam tema ini iaitu “Adakah KPS membantu anda dalam menghayati sesebuah peristiwa dalam pembelajaran sejarah ?” Persoalan ini adalah untuk mengetahui sama ada elemen KPS mampu membangkitkan penghayatan terhadap sesebuah peristiwa ketika pembelajaran berlangsung.

Menerusi dapatan kajian melalui persoalan ini, peserta kajian menyatakan bahawa elemen KPS telah membantu mereka meningkatkan rasa cinta terhadap negara. Hal ini kerana melalui pembelajaran dan penerapan elemen KPS iktibar dan pengajaran daripada sesebuah peristiwa dapat diambil apabila berlaku pemahaman terhadap sesebuah peristiwa sejarah. Situasi ini memperlihatkan penerapan elemen KPS seperti kronologi. Selain itu, elemen KPS seperti melakukan rasionalisasi juga telah

meningkatkan pemahaman sesuatu peristiwa melalui pembelajaran Sejarah. Murid yang berupaya melakukan imaginasi boleh mengaitkan isi pembelajaran dengan kepentingannya negara. Tambahan lagi, penerapan elemen KPS menyebabkan murid lebih peka terhadap perkembangan isu semasa seperti isu politik negara. Hal ini kerana elemen KPS mempunyai hubung kait dalam kepimpinan negara dengan bergantung kepada sesetengah topik yang dipelajari.

Jadual 7 : Respon peserta kajian terhadap persoalan kedua iaitu “Adakah KPS membantu anda dalam menghayati sesebuah peristiwa dalam pembelajaran sejarah ?”

Peserta Kajian	Jawapan
Nazirah	<i>“Ya. KPS dapat membantu murid-murid mendalami ilmu sejarah. Bagi saya, tak semua yang guru ajar murid boleh faham. Jadi jika kita melakukan kajian dengan sendiri, kita lebih dapat memahami peristiwa sejarah itu. Contohnya, murid dapat merumuskan sebab British datang ke negara kita.”</i>
Danial	<i>“Saya rasa elemen KPS boleh bantu menghayati peristiwa sejarah sebab ada elemen berimaginasi. Contohnya seperti negara kita dijajah oleh orang luar. Maka banyaklah iktibar dan pengajaran yang kita perolehi.”</i>
Nona	<i>“KPS dapat bantu saya memahami sejarah. Bantu saya membuat tafsiran sesebuah peristiwa bersejarah”</i>
Rafizah	<i>“KPS dapat menarik minat saya dan menimbulkan rasa patriotik dalam diri.”</i>
Wui Atikah	<i>“Boleh melakukan kaedah rasionalisasi terhadap peristiwa sejarah” “Ya, betul. Apabila saya belajar dan menerapkan elemen KPS ni banyak perkara yang saya peroleh. Contohnya, memupuk semangat patriotik, menyemai perpaduan, memelihara kedaulatan negara, menghargai budaya negara dan juga memahami landskap politik negara”</i>
Jiang Li	<i>“Ada. Contohnya seperti mengetahui peristiwa sejarah dengan lebih jelas.”</i>

Jadual 8 menunjukkan respon peserta kajian melalui persoalan ketiga dalam tema ini iaitu “Bagaimana KPS boleh meningkatkan rasa cinta akan negara oleh murid-murid ?” Persoalan ini dibangkitkan kerana ingin mengetahui sama ada elemen KPS mampu meningkatkan rasa cinta terhadap negara dalam kalangan peserta kajian yang terdiri daripada murid-murid sekolah ini.

Jawapan daripada peserta kajian menyatakan bahawa elemen KPS membantu mereka dalam menimbulkan rasa cinta terhadap negara. Hal ini disebabkan oleh elemen imaginasi dan membuat gambaran daripada peristiwa sejarah akan menyebabkan mereka boleh mengambil iktibar dan pengajaran seterusnya tidak akan membiarkan peristiwa yang tidak baik berlaku lagi. Seterusnya, elemen KPS rasionalisasi juga membantu murid dalam meningkatkan sifat waspada dalam membuat sebarang keputusan. Apabila elemen KPS membuat gambaran, melakukan rasionalisasi, inteprestasi dan kemahiran kronologi mampu dicapai oleh murid sekaligus elemen KPS mampu menyuntik semangat patriotik dalam kalangan murid seperti tidak mahu peristiwa penjajahan berulang, meningkatkan kerjasama antara rakyat dalam memelihara kemakmuran dan kekayaan negara.

Jadual 8 : Respon peserta kajian terhadap persoalan ketiga iaitu “Bagaimana KPS boleh meningkatkan rasa cinta akan negara oleh murid-murid ?”

Peserta Kajian	Jawapan
Nazirah	<i>“Apabila kita dapat mengambil iktibar daripada sesuatu peristiwa terutamanya apabila membuat gambaran peristiwa tersebut”</i>
Faris	<i>“Dapat menjelaskan sifat berwaspada dalam membuat keputusan. Saya lebih gemar menerapkan kemahiran rasionalisasi memandangkan saya kaitkan elemen KPS ini dengan isi kandungan pembelajaran yang baharu sahaja saya pelajari.”</i>
Danial	<i>“Sebab kita belajar sejarah kita banyak tahu negara kita ni pernah dijajah oleh kuasa luar. Pasti kita tak nak peristiwa yang sama berulang lagi”</i>
Nona	<i>“Apabila kita tahu mengenai pembangunan negara, kita akan dapat pengajaran dan pengajaran tersebut berfungsi untuk membangunkan negara”</i>
Rafizah	<i>“Boleh melakukan kaedah rasionalisasi terhadap peristiwa sejarah”</i>
Wui	<i>“KPS telah menerapkan kepentingan kerjasama dalam memastikan kemakmuran negara.”</i>
Carlos	<i>“Menjelaskan kepentingan dan memanfaatkan kekayaan negara”</i>

4.4. Sikap Murid Terhadap Pelaksanaan KPS

Peserta kajian ini menunjukkan respon yang berbeza dari aspek sikap atau tingkah laku apabila elemen KPS diaplikasikan dalam sesi pembelajaran. Terdapat dua persoalan yang telah dibangkitkan dalam tema ini. Salah satu persoalannya adalah “Bagaimana respon anda apabila guru meminta anda melakukan salah satu daripada elemen KPS ?” [Jadual 9](#) meringkaskan jawapan yang diberi oleh peserta kajian.

Jadual 9 : Respon peserta kajian terhadap persoalan pertama iaitu “Bagaimana respon anda apabila guru meminta anda melakukan salah satu daripada elemen KPS ?”

Peserta Kajian	Jawapan
Nazirah	<i>“Kadang-kadang rasa blur, kadang-kadang rasa boleh jawab. Bergantung kepada soalan dan cara guru bertanya. Saya sebenarnya sudah membayangkan jawapan berdasarkan soalan yang guru ajukan. Saya juga merasa takut dan tidak yakin untuk menjawab soalan”</i>
Faris	<i>“Ada rasa susah juga nak jawab soalan-soalan elemen KPS ni.”</i>
Danial	<i>“Kebanyakannya saya ambil daripada pembelajaran yang baharu saya belajar, tetapi ada juga saya ambil input daripada You Tube dan TikTok. Kalau saya faham soalan tu, senanglah saya nak jawab. Kalau tak sebaliknya.”</i>
Nona	<i>“Saya mengalami kesukaran mengaitkan pengetahuan am terhadap sesuatu isu yang ada kaitan dengan isi kandungan sejarah.”</i>
Wui	<i>“...ada soalan yang susah saya tinggalkan sahaja. Dari sudut bahasa menyebabkan saya tak jawab soalan tersebut apalagi nak menghuraikan jawapan”</i>
Shantini	<i>“Saya susah nak faham soalan tu kerana masalah bahasa. Saya mengambil masa untuk memahami dan membina ayat..”</i>
Atikah	<i>“Kalau kita banyak membaca tak banyak masalah untuk memahami KPS ni. Jika kita fokus sebenarnya boleh jawab soalan yang guru ajukan”</i>
Carlos	<i>“Saya rasa boleh jawab sebab saya memahami cara yang diajar oleh guru.”</i>

Menerusi dapatan kajian daripada persoalan ini, didapati terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh murid-murid ketika melaksanakan elemen KPS dalam mata pelajaran Sejarah. Salah satunya adalah dari sudut motivasi diri yang tidak yakin dan berasa takut dalam mengutarakan jawapan ketika ditanya oleh guru. Selain itu, terdapat murid yang menyatakan bahawa soalan KPS ini sukar. Hal ini didapati kerana mereka mempunyai masalah dari sudut pembinaan ayat untuk menjawab soalan tersebut. Untuk menjawab soalan dalam mata pelajaran Sejarah, murid perlu menguasai kaedah dan teknik menjawab supaya jawapan yang diberi akan berkesan. Di samping itu, terdapat juga murid yang mempunyai kekangan dari sudut bahasa apabila diajukan soalan oleh guru. Seterusnya, murid juga menghadapi masalah apabila soalan tersebut perlu dikaitkan dengan pengetahuan am. Gaya pengajaran guru yang kurang memberi kesan menyebabkan murid tidak mampu menaakul pengetahuan ketika dalam bilik darjah. Oleh sebab itu, terdapat murid yang lebih gemar menggunakan media sosial untuk mendapatkan input daripada topik yang telah dipelajari. Terdapat murid yang bersikap positif ketika menjawab soalan KPS yang diajukan oleh guru. Hal ini terjadi kerana sikap murid yang sentiasa fokus ketika sesi pembelajaran dan gemar membaca buku sekaligus akan menyebabkan pengetahuan murid kian bertambah.

Jadual 10 menunjukkan respon peserta kajian melalui persoalan kedua dalam tema ini iaitu “Adakah anda menerima positif elemen KPS dalam sesi pembelajaran Sejarah ? ” Melalui persoalan ini, pendapat murid mengenai elemen KPS ini dapat dilihat sama ada dalam bentuk positif atau sebaliknya.

Jadual 10 : Respon peserta kajian terhadap persoalan kedua iaitu “Adakah anda menerima positif elemen KPS dalam sesi pembelajaran Sejarah ? ”

Peserta Kajian	Jawapan
Nazirah	<i>“Ya. Seperti yang saya katakan KPS mampu merangsang idea yang lebih abstrak dan kompleks daripada murid-murid.”</i>
Faris	<i>“Elemen KPS memang bagus untuk diterapkan kerana ia mampu merangsang pemikiran kita untuk berfikir di luar buku teks. Memang tak dinafikan. Soalan memang susah. Namun, bila kita dah dapat hayati kita akan dapati pembelajaran sejarah itu sesuatu yang menyeronokkan”</i>
Nona	<i>“Ya, boleh. Sebab KPS ini boleh terapkan pengetahuan dalam sejarah dan menambahkan pengetahuan am. Walaupun susah tapi saya berpendapat KPS ini perlu diteruskan.”</i>
Rafizah	<i>“Bagi saya perlu ada elemen KPS sebab boleh memberi pendedahan kepada masyarakat terhadap sejarah dan dapat meluaskan lagi pengetahuan...”</i>
Wui	<i>“Saya rasa KPS ni perlu diteruskan. Sebab sejarah ni susah kalau nak kaitkan dengan situasi semasa. Saya perlu mengambil masa untuk memahami sesuatu perkara. Tapi saya tetap nak belajar walaupun mengambil masa untuk memahaminya”</i>
Shantini	<i>“Saya akan rasa gembira sebab apabila ada elemen KPS ni saya akan belajar mengaitkan isu semasa dengan pembelajaran. Pengetahuan saya akan bertambah. KPS ni senang. Cuba saya terbatas dari segi bahasa.”</i>
Atikah	<i>“Elemen KPS boleh membantu saya dari sudut pembelajaran Sejarah. Sebenarnya menggalakkan saya juga untuk mencari maklumat dari sudut berbeza. Sepatutnya elemen KPS ni perlu diteruskan sebab boleh menyebabkan rakyat semakin sayang akan negara. Kalau sekadar</i>

Jiang Li *fakta kita susah nak faham dan bosan.”*
“KPS perlu diteruskan sebab ia membantu saya untuk mempelajari sejarah dan juga menjawab soalan dalam peperiksaan”

Melalui dapatan kajian, dapat dilihat bahawa murid-murid di kawasan kajian ini mempunyai sikap yang positif ke arah pelaksanaan elemen KPS walaupun berhadapan dengan pelbagai kekangan. Malah, ada yang berpendapat elemen KPS ini perlu diteruskan supaya pengetahuan mereka berkembang seiring dengan pendedahan yang dilakukan dalam topik pembelajaran Sejarah di sekolah. Elemen KPS yang menyeronokkan dengan dibantu oleh bimbingan daripada guru dan sikap positif daripada diri murid itu sendiri akan menyebabkan kegembiraan kepada murid-murid untuk mempelajari Sejarah. Keseronokan itu akan melahirkan rakyat yang berpengetahuan luas sekali gus menjadikan mereka prihatin terhadap negara.

5. Perbincangan Kajian

Hasil dapatan dalam kajian ini berfokuskan kepada ketiga-tiga tema iaitu yang pertama adalah melibatkan pengetahuan peserta yang terdiri daripada murid sekolah menengah terhadap elemen-elemen KPS yang dilaksanakan. Melalui tema ini, tahap kesedaran sendiri peserta terhadap elemen KPS adalah sederhana kerana peserta-peserta kajian masih mengharapkan bantuan dan bimbingan daripada guru dalam melaksanakan elemen-elemen KPS berbanding melakukan pembelajaran secara sendiri. Perkara ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh [M. Kaviza \(2020e\)](#) yang telah melaporkan tahap sederhana dalam mata pelajaran sejarah melalui amalan kemahiran pembelajaran terarah sendiri. Walaupun begitu, penerimaan peserta terhadap elemen kemahiran pemikiran sejarah dilihat positif selaras dengan kajian oleh [M. Kaviza \(2020f\)](#) dalam kajiannya iaitu Hubungan antara Kemahiran Terarah Kendiri dan Kemahiran Pemikiran Sejarah.

Selain itu, pengaruh penggunaan buku teks juga dilihat mampu memberi pendedahan terhadap pengetahuan murid dalam mengaplikasikan elemen KPS dalam kajian ini. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh [Asmahani et al. \(2020\)](#) yang telah membuat perbandingan antara buku teks sejarah Malaysia dan Indonesia. Seterusnya, peranan media sosial dan internet juga memberi sedikit pendedahan kepada peserta dalam kajian ini. Perkara ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh [Norrolnadia dan Shahabudin \(2022\)](#) yang menyatakan bahawa pelbagai aktiviti pembelajaran berasaskan teknologi dapat dilaksanakan dalam pembelajaran secara dalam talian. Sedikit sebanyak kesan dilihat akibat daripada pandemik Covid-19 telah mengubah corak pembelajaran peserta kajian ini.

Seterusnya, melalui kajian ini juga memberi pendedahan bahawa pengetahuan mereka terhadap elemen KPS adalah dibantu bimbingan dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru mata pelajaran tersebut. Gaya dan kaedah pengajaran guru dalam bilik darjah memberi pengaruh besar terhadap pendedahan elemen KPS terhadap murid-murid. Berikutan dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh [Emilda Balkis dan Anuar \(2022\)](#) yang menyatakan tahap kesediaan murid sekolah menengah khususnya Tingkatan 1 dan 2 bergantung kepada perancangan kaedah pengajaran oleh guru terutama dalam pembelajaran Sejarah. Dapatan daripada kajian ini juga memberi pendedahan bahawa guru mata pelajaran Sejarah di sekolah ini memberikan komitmen dalam melaksanakan elemen KPS terhadap peserta kajian sekali gus memberi pendedahan bahawa sikap guru sentiasa positif dalam melaksanakan KPS. Perkara ini

selari dengan kajian yang dilakukan oleh [Fathizaki Rifin et al. \(2021\)](#) yang telah menyatakan bahawa kompetensi guru memberikan impak yang besar terhadap kecemerlangan murid. Kajian yang dilakukan oleh [Suhaida dan Shahabuddin \(2022\)](#) juga menyatakan bahawa melalui pelaksanaan elemen KPS dalam pengajaran, sikap guru memberi sumbangan yang besar dalam pelaksanaannya. Kaedah pengajaran guru dalam bilik darjah juga mendorong kepada pendedahan terhadap elemen KPS dalam kajian ini. Peserta kajian menyatakan bahawa kaedah pengajaran guru yang kerap bersoal jawab membantu mereka mengimplementasikan elemen KPS. Perkara ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh [Emmanina Subpei dan Mohd Mahzan \(2022\)](#) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan positif antara teknik penyoalan guru dengan tahap KPS yang telah mencorakkan bentuk jawapan dan penilaian terhadap pengetahuan murid.

Melalui kajian ini juga, melalui elemen-elemen KPS peserta kajian mengakui bahawa mereka berkemahiran dalam membuat imaginasi yang baik terhadap sesebuah peristiwa sejarah dengan dibantu oleh penerangan yang dibuat oleh guru. Perkara ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh [M. Kaviza \(2019b\)](#) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa kemahiran membuat imaginasi merupakan varians tertinggi terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah seterusnya menjadi indikator dalam pencapaian mata pelajaran sejarah secara langsung mahupun tidak langsung. Kajian ini juga menyatakan bahawa kemahiran peserta kajian untuk menjawab soalan-soalan KBAT ketika dalam peperiksaan bertambah kerana pendedahan yang berterusan dalam elemen KPS oleh guru-guru mereka.

Kemahiran peserta dalam kajian ini juga dipamerkan melalui penulisan laporan kajian kes yang merupakan salah satu daripada konteks pembelajaran Sejarah mereka. Perkara ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh [Siti Kisni dan Christina \(2019\)](#) yang menyatakan bahawa sumber dokumen teks boleh digunakan dalam pembelajaran Sejarah untuk murid sekolah menengah. Perihal ini telah menambah kemahiran murid dalam elemen KPS iaitu meneroka bukti melalui sumber sejarah khususnya dalam penulisan laporan kajian kes. Tambahan daripada kajian yang dilakukan oleh [M. Kaviza \(2019c\)](#) yang menyokong bahawa persepsi murid terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah berada pada tahap tinggi. Minat murid juga meningkat dan mampu membentuk proses berfikir aras kognitif yang tinggi. Pelaksanaan kajian kes sebenarnya membantu murid mengaplikasikan elemen KPS dalam pembelajaran. Perkara ini selari dengan kajian oleh [Mohamed Ali et al. \(2020\)](#) yang menyatakan pembelajaran secara "*learning by doing*" akan membantu murid berfikir dan membentuk pemahaman mengenai sesuatu permasalahan.

Melalui kajian ini juga menyatakan bahawa gaya pengajaran guru terhadap elemen KPS menyebabkan murid berasa takut dan bimbang serta kurang keyakinan terhadap jawapan yang akan diberi. Perkara ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh [Muhammad Zulfiqar dan Anuar \(2021\)](#) yang menyatakan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru memberi kesan dan impak kepada murid khususnya dalam pembelajaran Sejarah. Melalui kajian ini, peserta dilihat kurang yakin dengan kaedah soal jawab yang digunakan oleh guru. Hal ini selari dengan kajian yang dinyatakan oleh [M. Kaviza \(2019d\)](#) yang menunjukkan tahap motivasi intrinsik yang sederhana dalam kalangan murid yang mengambil Sejarah. Tahap motivasi murid dalam kajian ini juga sederhana. Perkara ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh [M.Sinusha dan Kee \(2018\)](#) yang menyatakan bahawa murid di kawasan bandar mempunyai tahap keresahan yang lebih tinggi berbanding murid di kawasan pedalaman.

Sikap yang dipaparkan oleh peserta kajian ketika menerima gaya pembelajaran baharu ini berbeza-beza bagi setiap orang. Melalui kajian ini, ramai peserta yang menyatakan bahawa soalan-soalan yang diajukan oleh guru terutama yang mempunyai elemen KPS agak sukar dan memerlukan masa jika perlu dijawab dengan spontan. Perkara ini berlaku ketika sesi soal jawab yang dilakukan oleh guru ketika sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah dalam bilik darjah. Ternyata murid di kawasan kajian ini belum biasa dan bersedia dengan gaya pembelajaran yang digunakan oleh guru. Perkara ini selaras dengan hasil dapatan kajian oleh [Zurina et al. \(2021\)](#) yang telah menyatakan bahawa gaya pengajaran guru yang tidak sesuai akan menyumbang kepada murid tidak menguasai isi pelajaran kerana murid mempunyai kepelbagaian gaya belajar, tahap penguasaan dan berlainan kecerdasan tetapi berada dalam bilik darjah yang sama. Kajian [Sirajuddin et al. \(2022\)](#) juga menyatakan bahawa perbezaan pemikiran bagi setiap golongan, cara pemahaman yang berbeza, waktu belajar dan masa yang berlainan dalam kehidupan seseorang menunjukkan bahawa penggunaan sesuatu kaedah berkesan atau tidak terhadap seseorang.

Selain itu, peserta dalam kajian ini menyatakan bahawa mereka masih memerlukan bimbingan daripada guru untuk menjawab soalan-soalan yang mempunyai elemen KPS. Walaupun mereka menerima positif dasar yang diketengahkan oleh kerajaan, namun bimbingan berterusan ternyata amat diperlukan oleh murid-murid ini dalam membentuk penaaakulan terhadap elemen KPS ini. Perkara ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh [Hanita et al. \(2022\)](#) yang menyatakan bahawa dalam memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah mampu menarik minat murid dan seterusnya menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai, peranan guru dilihat amat penting untuk merealisasikannya. Di samping itu, terdapat peserta kajian yang menyatakan bahawa keperluan membaca mendorongnya ke arah kemampuan untuk menerapkan elemen KPS dalam pembelajaran Sejarah. Perkara ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh [Rizka Alvia dan Septiani Selly \(2022\)](#) yang menyatakan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan terhadap minat membaca dan prestasi pembelajaran dalam kalangan murid khususnya dalam mata pelajaran Sejarah.

Seterusnya, peserta kajian ini juga tidak menafikan bahawa penggunaan media sosial mampu memberinya sikap yang positif terhadap elemen KPS. Perkara ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh [Bahri et al. \(2021\)](#) yang telah menyatakan bahawa pendigitalan dalam pendidikan perlu menjadi pilihan utama oleh para pendidik. Hal ini kerana kemudahan dapat diasaskan terhadap penerangan dalam setiap peristiwa mengikut kronologi dan mencipta kecerdasan kognitif seperti yang ada dalam elemen-elemen KPS.

6. Kesimpulan

Menerusi kajian yang dijalankan ini dapatlah dirumuskan bahawa penerimaan murid terhadap elemen KPS di kawasan kajian ini sederhana dan belum bersifat menyeluruh. Para peserta kajian dilihat mampu menerima baik dari segi teori mengenai pelaksanaan elemen KPS sejak perubahan format Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah namun belum berkemahiran sepenuhnya dan masih memerlukan bimbingan daripada guru.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada tercetusnya pengetahuan murid terhadap KPS dan elemen-elemennya untuk diaplikasikan sepanjang pembelajaran Sejarah ini. Terdapat murid yang melakukan pembelajaran secara sendiri iaitu melalui

penulisan laporan kajian kes yang mereka lakukan serta pendedahan terhadap elemen KPS dalam buku teks. Melalui perkara ini, murid telah mengetahui elemen KPS yang akan diterapkan dalam pembelajaran tersebut sekali gus membangkitkan inkuiri ketika pembelajaran berlangsung. Peranan media sosial dan kemudahan layaran internet seperti YouTube, Google dan TikTok juga mendorong kepada pendedahan elemen KPS kepada murid-murid. Di samping itu, bimbingan guru yang berterusan juga membangkitkan pengetahuan mengenai elemen KPS ini. Menerusi penerangan yang dilakukan dalam sesi pengajaran, soal jawab sama ada secara individu atau aktiviti berkumpulan dan kaedah pengajaran murid telah mengetahui elemen KPS ini berlaku dalam pembelajaran Sejarah. Gaya pengajaran yang digunakan oleh guru dibuktikan dalam aspek ini kerana memperlihatkan kesannya terhadap penerimaan murid dalam aktiviti pembelajaran.

Selain itu, elemen KPS juga dapat memperlihatkan kemahiran murid dalam mengaplikasikan pengetahuan daripada sesuatu pembelajaran topik dalam mata pelajaran Sejarah. Kemahiran murid mengaplikasikan elemen KPS boleh dilihat menerusi soalan-soalan KBAT yang diajukan oleh guru dan soalan-soalan peperiksaan. Walaupun murid masih belum berkemahiran sepenuhnya dan memerlukan bimbingan guru, namun mereka mahir menyebut iktibar dan pengajaran yang diperoleh daripada sesuatu peristiwa yang dipelajari. Menerusi perihal ini, elemen KPS seperti meneroka bukti, rasionalisasi, kronologi dan membuat gambaran telah dapat dikuasai oleh murid terutamanya apabila murid-murid ini diberi peluang untuk berdiskusi dengan rakan-rakan dan dibimbing oleh guru sekali gus membangkitkan rasa keyakinan untuk memberi jawapan. Seterusnya, kemahiran murid dalam mengaplikasikan elemen KPS adalah ketika murid-murid ini menjawab soalan-soalan dalam peperiksaan menerusi soalan-soalan KBAT.

Di samping itu, menerusi sikap murid terhadap pelaksanaan elemen KPS ini adalah terdapat murid yang menunjukkan respons yang berbeza dari aspek sikap atau tingkah laku apabila elemen KPS diaplikasikan dalam sesi pembelajaran. Terdapat murid yang menunjukkan sikap yang positif dan baik terhadap pelaksanaan KPS dalam pembelajaran Sejarah. Namun, masih terdapat murid yang menunjukkan ketidakselesaan apabila diajukan soalan berunsurkan elemen KPS. Salah satu faktor berlakunya keadaan ini adalah disebabkan kekangan bahasa yang dialami oleh beberapa murid selain daripada masalah untuk membina jawapan mengikut kriteria yang diperlukan. Kurangnya keyakinan dalam kalangan murid menyebabkan mereka dilihat tidak bersedia dalam mengaplikasikan elemen KPS. Tambahan lagi, rasa takut untuk memberikan jawapan terus membelenggu hati murid-murid ini apabila mereka tidak mempunyai pengetahuan am yang luas untuk dikaitkan dengan topik pembelajaran semasa. Walaupun murid-murid dalam kajian ini menyatakan bahawa elemen KPS susah untuk dipraktikkan dan masih memerlukan bimbingan dari semasa ke semasa, namun mereka tidak menolak bahawa elemen KPS ini wajar diteruskan untuk diamalkan dalam suasana pembelajaran terutamanya dalam abad ke-21 ini. Perkara ini kerana mereka berpendapat bahawa elemen KPS akan membantu dalam merangsang kognitif mereka ke arah yang lebih tinggi dan tidak bergantung sepenuhnya kepada buku teks.

Oleh itu, sebagai cadangan kajian, kajian ini boleh ditambahbaikkan dan diperluaskan lagi dengan melihat penerimaan murid terhadap penerapan elemen KPS di kawasan-kawasan pinggir bandar dan kawasan pedalaman. Sebenarnya banyak masalah dalam dunia pendidikan boleh didapati dalam ruang kajian sebegini rupa. Masalah-masalah ini boleh diatasi sekiranya terdapat kajian yang dilakukan seterusnya membuka ruang

minda bagi mereka sebagai pelaksana untuk mengatasinya. Kawasan kajian yang bukan di kawasan bandar utama mempunyai masalah yang lebih banyak dan semakin membimbangkan jika jurang pendidikan ini tidak diatasi dengan segera. Akhir sekali, kajian seperti mengenal pasti tahap kesediaan murid terhadap penggunaan peranti mudah alih di kawasan-kawasan bandar dan mempunyai kemudahan dari segi pencapaian internet serta kemudahan teknologi juga boleh menjadi salah satu bentuk kajian oleh para pengkaji pada masa akan datang. Kawasan pedalaman yang jauh daripada kemudahan untuk mengakses internet serta teknologi juga tidak harus dikesampingkan untuk mengenal pasti jurang pendidikan yang wujud di negara kita. Sebagai seorang pengkaji, setiap permasalahan terutamanya masalah berkaitan bidang pendidikan wajar dirungkaikan supaya isu ketirisan dalam pendidikan dapat diatasi. Kajian ini juga hanya terbatas pada murid tingkatan tiga sahaja. Justeru, bagi kajian lanjutan, pengkaji lain digalakkan menggunakan sampel daripada beberapa sekolah dan membuat perbandingan antara satu sekolah dengan sekolah yang lain. Harapan pengkaji adalah kemudahan asas ICT, TMK, peranti digital dapat ditambahbaikkan di sekolah, mencukupi dan diselenggarakan dengan baik supaya dapat digunakan secara maksimum oleh warga sekolah seterusnya memberi impak kepada kecemerlangan murid. Penglibatan beberapa pihak yang penting terutamanya KPM, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Pentadbir dan guru-guru amat diutamakan bagi memastikan kelangsungan penggunaan peranti mudah alih dalam pembelajaran Sejarah sekali gus mampu membangkitkan rasa seronok belajar Sejarah dalam kalangan murid-murid.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada peserta-peserta kajian yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan. Kajian ini merupakan inisiatif pengkaji sendiri

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Asmahani Muhthar, Mohd Mahzan Awang & Abdul Razaq Ahmad. (2020). Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah di Malaysia dan Indonesia. Analisis Perbandingan Buku Teks. *Proceeding-Malaysia International Convention on Education Research & Management (MICER)*. (pp.128-139). MICER
- Bahri, Humaedi, Rizal, Mahfud M.Gamar. Misnah & Andi Dewi Riang Tati. (2020). Utilization of ICT-Based Learning Media in Local History Learning. *Journal of Physics : Conference Series*, 1-6. <https://doi:10.1088/1742-6596/1764/1/012079>
- Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan & Maslinda Pungut. (2021). Analisis Kesiediaan Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran, Pengajaran dan Pemudahcaraan Abad ke-21. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1),100-119. <https://doi.org/10.33306/mjssh/115>
- Bhanu Leega & Muhammad Sofwan Mahmud. (2022). Kesiediaan Guru Matematik Sekolah Rendah di Selangor Terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(11), e001859. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1859>
- Emilda Balkis Ismail & Anuar Ahmad. (2022). Kesiediaan Murid Mengaplikasikan Penggunaan Web 2.0 dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2), e001285. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1285>
- Emmanina Subpei @ Shafie & Mohd Mahzan Awang. (2022). Teknik Penyzoalan Guru Sejarah dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah dan Kesannya kepada Kemahiran Pemikiran Sejarah. *International Conference on Global Education IX "Technological and Educational Empowerment Post Covid-19"*, 124-135.
- Fathizaki Rifin, Anuar Ahmad & Norasmah Othman. (2021). Kompetensi Guru dalam Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 194-205. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.632>
- Hanita Ladjaharun, Mohd Mahzan Awang & Asmahani Muhthar. (2022). Penerapan Empati dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Mata Pelajaran Sejarah. *International Conference on Global Education*, 508-521.
- Kamisah Kamar & Mohd Mahzan Awang. (2023). Tahap Pengetahuan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam Kalangan Guru-guru Sejarah Sekolah Rendah di Daerah Beluran. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 560-569. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.44>
- Lau, W. L. & Anuar Ahmad. (2022). Gaya Pengajaran Guru Sejarah Terhadap Minat Pembelajaran Sejarah Murid Tahun Lima di Setapak, Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(12), e001994. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1994>
- Loh, M. W. & Abdul Razaq Ahmad. (2022). Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom Terhadap Amalan Pemikiran Aras Tinggi bagi Mata Pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001322. <https://doi.org/10.47405/mjssh.V7I3.1322>
- M. Kaviza. (2019a). Hubungan Penerapan Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah dalam Kalangan Murid. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1),30-38. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/17859/10029>
- M. Kaviza. (2019b). Hubungan Penerapan Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Pencapaian Pelajaran Sejarah

- dalam Kalangan Murid. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1),30-38. Retrieved from <https://juku.um.edu.my>
- M. Kaviza. (2019c). Penggunaan Sumber-sumber Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah: Pilihan Murid ?. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*, 6(1), 30-38. Retrieved from <https://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/73>
- M. Kaviza. (2019d). Motivasi Intrinsik dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat yang Mengambil Mata Pelajaran Sejarah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 215-224. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.4310018>
- M. Kaviza. (2020a). Kemahiran Pemikiran Sejarah berdasarkan Murid Berbeza Tahap Arahan Kendiri. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(4),1-7. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.396>
- M. Kaviza. (2020b). Persepsi Penerimaan Murid terhadap Aktiviti Pembelajaran Berasaskan Dokumen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(3), 79-86. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.378>
- M. Kaviza. (2020c). Tahap Pengenalan Kemahiran Pemikiran Sejarah Melalui Penggunaan Sumber Digital Sejarah dalam Pendekatan *Flipped Classroom*. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 72-80. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i5.419>
- M. Kaviza. (2020d). Pembelajaran Berasaskan Bahan dalam Mata Pelajara Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(5), 149-156. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i5.420>
- M. Kaviza. (2020e). Amalan Kemahiran Pembelajaran Terarah Kendiri dalam Mata Pelajaran Sejarah : Perspektif Murid Tingkatan Dua. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 109-115. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i1.380>
- M. Kaviza. (2020f). Hubungan Antara Kemahiran Terarah Kendiri dan Kemahiran Pemikiran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(10), 67-74. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i10.521>
- M.Sinusha & Kee Jiar Yeo. (2018). Anxiety, Motivation and Attitude of Indian Students in Learning English in National-Type Tamil Schools. *Asians Social Science, Canadian Center of Science and Education*, 14(1), 1-8. <https://doi.org/10.5539/ass.v14n11p1>
- Mohamed Ali Haniffa, Nurhijrah Zakaria & Ayu Nor Azilah Mohamad. (2020). No One Left Behind, Membina Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) : Penelitian Awal dari Sudut Pandangan Seorang Pendidik. *International Research Journal of Education and Sciences*, 4(1).
- Muhammad Ridzuan Idris, Abdullah Deraman, Norazan Mat Nor & Wan Adi Yusof. (2021). *Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Kalangan Guru Sejarah: Isu dan Cabaran*. Jabatan Sains Sosial : IPG Kota Bharu
- Muhammad Zulfiqar Mat Lui & Anuar Ahmad. (2021). Minat Murid Terhadap Gaya, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru dalam Pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(2), 211-221. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.676>
- Norrolnadia Tajudin & Shahabudin Hashim. (2022). Medium Aplikasi Atas Talian dalam Pembelajaran Sejarah di Luar Waktu Persekolahan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(10). e001797.<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1797>
- Nurhijrah Zakaria, Anisah Harun, Rosmani Ali & Hasnul Hadi Tengah. (2020). Pengintegrasian Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Sejarah oleh Guru Pelatih Program Pendidikan Sejarah Semasa Praktikum. *Jurnal Penyelidikan Akademik IPGM*, 3, 10-29.
- Nurul Affa Abu Mansor & Anuar Ahmad. (2022). Hubungan antara Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dengan Kemahiran Memahami Kronologi dalam Kalangan

- Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 242-25. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.18>
- Nurul Hafizah Maarof, Nurul Suzaina Joli, Kamarul Zaman Hamzah & Rorlinda Yusof.(2021). Persepsi Amalan Kemahiran Pemikiran Sejarah : Tinjauan Terhadap Perbezaan Pencapaian Pelajar Pintar dan Berbakat. *International Journal of Modern Education*, 3(10), 1-18. <https://doi:10.35631/IKMOEE.310001>
- Rahmelina, L., Firdian, F., Maulana, I. T., & Aisyah. (2019). The Effectiveness of The Flipped Classroom Model Using E-Learning Media in Introduction to Information Technology Course. *International Journal of Emerging Technology in Learning (ijET)*, 14(21), 148-162.
- Rizka Alvia Abdullah & Septiani Selly Susanti. (2022). Pengaruh Minat Baca terhadap Prestasi Belajar Siswa Pada Mata Pelajaran Sejarah Kebudayaan Islam (SKI). *Jurnal Pengembangan Profesi Guru*, 1(1), 24-42. Retrieved from <http://www.ejournal.staidarussalamlampung.ac.id/index.php/jurnalpengembanganprofesiguru/article/view/334>
- Rosy Talin (2015). Historical Thinking Skills-The Forgotten Skills ? *International Journal of Learning and Teaching*, 7(1), 15-23. <https://doi.org/10.18844/ijlt.v7i1.3>
- Sirajuddin, M., Ahmad, A. R., & Dahalan, S. C. (2022). Keberkesanan Peta Pemikiran (iTHINK) Terhadap Mata Pelajaran Sejarah dalam kalangan Pelajar Tingkatan 2. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001328. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1328>
- Siti Kisni Kisson & Christina Peter Ligadu. (2019). Elemen Meneroka Bukti dalam Pembelajaran Sejarah Menggunakan Sumber Dokumen Teks. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(8), 54-60. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i8.329>
- Siti Kisni Kisson. (2021). Memahami Kronologi dalam Pembelajaran Sejarah Menggunakan Model Pemikiran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(1), 151-158. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.643>
- Suhaida Mohd Sahid & Shahabuddin Hashim. (2022). Sikap Guru Sejarah terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(11). e001898. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1898>
- Vhyshnavi Kanafadzi & Khairul Azhar Jamaludin. (2021). Tahap Kesiapan dan Sikap Guru Terhadap Perubahan yang Berlaku dalam Sistem Pendidikan : Kajian Sistematis Terhadap Artikel-artikel yang Terpilih. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3). <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Zurina Mustafa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Pedagogi Terbeza untuk Pengajaran Guru Terhadap Kepelbagaian Murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(9), 202-214, <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.997>